



15/2023

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

KUSKOP LANCAR PROGRAM TUBE 9.0, BEEP DAN PEMBIAYAAN BRTANI UNTUK BANTU USAHAWAN TEMPATAN DI PROGRAM USAHAWAN DAN KOPERASI MADANI SEMPERA PESTA KAAMATAN

TAMPARULI, 6 MEI 2023 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi SME Corp. Malaysia melancarkan Program Tunas Usahawan Bumiputera 9.0 (TUBE) dan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) peringkat Negeri Sabah bagi tahun 2023. Program TUBE bertujuan untuk memupuk semangat keusahawanan dan menggalakkan belia dalam lingkungan usia di antara 18 hingga 30 tahun yang memilih untuk memulakan perniagaan sebagai sebuah kerjaya pilihan selain bertindak sebagai platform bagi mencetus anjakan paradigma daripada seorang pekerja kepada pemilik perniagaan. Permohonan secara dalam talian akan dibuka mulai 7 hingga 31 Mei 2023 dan para belia Sabah diseru untuk merebut peluang yang disediakan melalui pelaksanaan program ini.

Manakala, Program BEEP bertujuan untuk menyediakan bantuan bersepadu kepada Perusahaan Mikro, Kecil Sederhana (PMKS) Bumiputera sebagai usaha mencipta perusahaan yang berdaya maju dan berdaya tahan. PMKS Bumiputera akan dibantu dalam membina kapasiti syarikat dengan menambah baik pembungkusan produk, pembelian mesin dan peralatan bagi mempertingkatkan kualiti produk serta kecekapan pengeluaran dan melaksanakan kempen pemasaran dan promosi bagi mempertingkatkan jualan. Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang www.smecorp.gov.my.

Turut dilancarkan ialah produk pembiayaan baharu daripada Bank Rakyat iaitu Program Pembiayaan BRTani. Program pembiayaan khusus ini bertujuan untuk membantu usahawan industri makanan dan pertanian dalam usaha

meningkatkan pengeluaran agromakanan negara. Produk BRTani ini akan memfokuskan kepada keperluan usahawan yang memerlukan perbelanjaan modal, modal kerja dan pembangunan projek agromakanan. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi selepas merasmikan Program Usahawan dan Koperasi MADANI Bersempena Pesta Kaamatan bertempat di Dewan Masyarakat Tun Hamdan, Tamparuli, Tuaran, Sabah.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga menyampaikan pembiayaan bernilai RM7.92 juta kepada 20 usahawan dan koperasi. Pembiayaan tersebut adalah daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional, Bank Rakyat dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Selain itu, turut disampaikan dua sijil pendaftaran koperasi daripada SKM dan surat tawaran program daripada SME Bank Berhad kepada tiga penerima geran bagi Program Pembangunan Kapasiti Vendor (PPKV) berjumlah RM143 ribu dan satu penerima geran bagi *Business Export Program* (BEP) berjumlah RM200 ribu menjadikan jumlah keseluruhan RM343 ribu. Turut disampaikan agihan dividen 2022 kepada KOOP Sahabat Negeri Sabah berjumlah RM462 ribu daripada AIM Sabah.

Penganjuran Program Usahawan dan Koperasi MADANI Bersempena Pesta Kaamatan pada kali ini bertujuan menyampaikan maklumat berhubung perkhidmatan keusahawanan dan koperasi melalui sesi taklimat serta pameran agensi-agensi di bawah KUSKOP kepada usahawan, koperasi dan komuniti setempat. Program yang diadakan selama dua hari iaitu 6 dan 7 Mei 2023 ini turut membuka ruang dan peluang kepada usahawan dan koperasi tempatan membuka reruai bagi menjual pelbagai jenis makanan, minuman dan produk PMKS.

Selain itu, selaras dengan usaha menyahut seruan Kerajaan dalam menyelami denyut nadi rakyat yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup, KUSKOP menerusi SKM mengadakan Jualan MADANI Koperasi yang menawarkan barangan keperluan asas seperti gula, tepung, minyak masak,

produk-produk koperasi serta barangan keperluan yang lain dengan kadar penjimatan sekitar 10%-15% daripada harga pasaran. Turut diadakan adalah persembahan Rumah Tradisi Etnik yang mengetengahkan elemen kebudayaan dan warisan dalam menyemai semangat perpaduan masyarakat pelbagai kaum bersempena meraikan Pesta Kaamatan yang bertujuan melahirkan rasa kesyukuran atas hasil tuaian yang baik sepanjang tahun di Sabah.

KUSKOP berharap dengan pelaksanaan program kali ini dapat merancakkan semula aktiviti keusahawanan dan koperasi khususnya di Sabah seterusnya meningkatkan daya saing usahawan tempatan. Ini adalah selaras dengan hasrat dan kerangka visi MALAYSIA MADANI di bawah tonggak “kesejahteraan” yang membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan bagi memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

*Datin Suriani Abdul Rahman
Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Tel: 03-8883 6152 Emel: surianiar@kuskop.gov.my*